



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH**  
**KAMPUS MERBOK**

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon **Bumiputera Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan Pentadbiran di UiTM Cawangan Kedah, Kampus Merbok secara **Tetap**.

**JAWATAN** : **PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN**

Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan

Kumpulan Perkhidmatan : Bersepadu

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
A.	KUMPULAN PELAKSANA				
1.	PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN	U29	Penolong Pegawai Perubatan	RM 1312.00	RM 5173.00

**1) PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN (U29)**

1. Calon bagi lantikan memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Diploma Pembantu Perubatan daripada Kolej Pembantu Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia:

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29 : RM1687.59)

dan

Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- (a) Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan salinan rekod perkhidmatan yang dikemas kini.
- (b) Hanya permohonan yang ditapis-senarai akan dipanggil untuk temu duga. Pemohon yang dipanggil **TEMU DUGA SAHAJA** perlu membawa dokumen-dokumen asal dan salinan sijil-sijil yang telah **DISAHKAN** untuk diserahkan kepada Setiausaha Temu Duga.
- (c) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan daripada pihak universiti selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
- (d) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.

## CARA- CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- (a) Permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang Perjawatan UiTM yang boleh didapati dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Kedah, Kampus Merbok di <http://www.kedah.uitm.edu.my> dan juga boleh didapati sendiri di pejabat Bahagian Pentadbiran, UiTM Cawangan Kedah, Kampus Merbok.
- (b) Setiap permohonan yang dihantar hendaklah ditulis nama jawatan yang dipohon di sebelah kiri (atas) sampul surat.
- (c) Tarikh tutup permohonan adalah pada **29 Februari 2016 (Isnin)**
- (d) Sila kemukakan permohonan kepada :



TIMBALAN PENDAFTAR KANAN  
BAHAGIAN PENTADBIRAN  
UiTM CAWANGAN KEDAH  
KAMPUS MERBOK  
08400, MERBOK  
KEDAH DARUL AMAN

NO. TEL: 04-4562053/ 2056/ 2059